

## TATACARA PERLAKSANAAN WARAN PENAHANAN DI BAWAH SEKSYEN 53A AKTA HAKMILIK STRATA 1985

PERMOHONAN WARAN PENAHANAN	PERLAKSANAAN WARAN PENAHANAN	SELEPAS PERLAKSANAAN
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Hanya MC yang layak untuk memohon Waran Penahanan</li> <li>• Permohonan Waran Penahanan hanya boleh dikemukakan selepas MC mengeluarkan Notis Tuntutan bertulis kepada pemilik berdaftar petak</li> <li>• Seksyen 53(1) memperuntukkan tempoh masa bagi menjelaskan bayaran Notis Tuntutan tersebut mestilah tidak kurang 2 minggu dari tarikh penyampaian notis berkenaan</li> <li>• Sekiranya pemilik berdaftar petak gagal menjelaskan bayaran sepertimana yang dituntut di dalam Notis Tuntutan berkenaan MC adalah bertanggungjawab untuk mengeluarkan Notis Tuntutan Kedua yang mengarahkan pembayaran dibuat dalam tempoh 2 minggu dari tarikh penyampaian notis</li> <li>• Sekiranya tempoh 2 minggu berkenaan tamat dan pemilik berdaftar petak masih gagal untuk menjelaskan bayaran MC boleh memfailkan saman di Mahkamah yang mempunyai bidangkuasa dan/atau membuat permohonan Waran Penahanan di bawah seksyen 53A</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Seksyen 53A(1) memperuntukkan bahawa Waran Penahanan boleh dikuatkuasa samada oleh mana-mana ahli majlis MC atau mana-mana orang yang dilantik oleh MC untuk menjalankan waran tersebut</li> <li>• Sekiranya MC menghadapi masalah untuk menguatkuasakan waran tersebut, MC berhak mohon bantuan COB</li> <li>• Hanya COB yang berhak untuk mohon bantuan anggota polis untuk menjalankan waran</li> <li>• Anggota polis berkenaan mestilah seorang pegawai yang berpangkat tidak rendah daripada seorang Inspektor</li> <li>• Waran hanya boleh dikuatkuasa pada siang hari</li> <li>• Semua barang yang dirampas mestilah direkodkan di dalam senarai inventori</li> <li>• Satu notis di dalam Borang 7B mesti diserahkan kepada individu yang pada masa waran berkenaan dikuatkuasa mempunyai kawalan ke atas harta-harta yang dirampas</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jika ada bantahan berhubung penahanan harta-harta boleh alih, individu berkenaan boleh kemuka bantahan kepada Mahkamah Majistret dalam tempoh 14 hari dari tarikh penahanan dibuat</li> <li>• Majistret akan memutuskan samada penahanan tersebut boleh diteruskan atau tidak</li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Permohonan Waran Penahanan adalah berada di bawah bidangkuasa Pentadbir Tanah Daerah</li> <li>• Permohonan Waran Penahanan adalah</li> </ul>		

<p>berdasarkan Akuan Bersumpah bertulis oleh mana-mana ahli majlis MC</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Akuan Bersumpah mestilah mengandungi fakta-fakta seperti:- <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) Pemilik berdaftar petak telah gagal menjelaskan sebarang hutang kepada MC</li> <li>(b) Individu yang dinamakan di dalam Akuan Bersumpah berkenaan adalah pemilik berdaftar petak atau rujuk 45(6)(b) seorang pembeli yang hendaklah didaftarkan sewajarnya sebagai seorang pemilik</li> <li>(c) Jumlah hutang yang tertunggak yang masih belum belum dijelaskan</li> <li>(d) Notis Tuntutan pertama telah disampaikan kepada pemilik berdaftar petak</li> <li>(e) Notis Tuntutan Kedua telah disampaikan kepada pemilik berdaftar petak</li> <li>(f) Pemilik berdaftar petak telah menerima penyampaian Notis Tuntutan Pertama dan Kedua</li> <li>(g) Selepas penerimaan Notis Tuntutan Pertama dan Kedua pemilik berdaftar petak masih belum atau gagal menjelaskan bayaran yang dituntut</li> </ul> </li> </ul>		
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Adalah menjadi tanggungjawab Pentadbir Tanah Daerah untuk mengeluarkan dan menyempurnakan Waran Penahanan dalam Borang 7A sekiranya Pentadbir Tanah Daerah berpuas hati bahawa Akuan Bersumpah yang dikemukakan oleh MC mempunyai merit yang</li> </ul>		

<p>sah</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Sebagai "rule of thumb" Pentadbir Tanah Daerah seharusnya memeriksa samada individu yang didakwa sebagai pemilik berdaftar petak di dalam Akuan Bersumpah berkenaan adalah benar atau telah didaftarkan sebagai pemilik di dokumen hakmilik atau rujuk 45(6)(b) seorang pembeli yang hendaklah didaftarkan sewajarnya sebagai seorang pemilik</li><li>• Pentadbir Tanah juga berhak menyemak bukti penyampaian Notis Tuntutan Pertama dan Kedua bagi memastikan notis-notis berkenaan telah disampaikan dan diterima oleh pemilik berdaftar petak</li><li>• Pentadbir Tanah juga berhak menyemak bil-bil bayaran bagi menentukan amaun sebenar seperti yang terkandung di dalam Akuan Bersumpah</li></ul>		
--	--	--